



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Pendidikan Moral

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
APRIL 2019**

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| Rukun Negara..... | v |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan..... | vi |
| Definisi Kurikulum Kebangsaan..... | vii |
| Kata Pengantar..... | ix |
| Pendahuluan..... | 1 |
| Matlamat..... | 2 |
| Objektif..... | 2 |
| Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah..... | 3 |
| Fokus..... | 4 |
| Kemahiran Abad Ke-21..... | 8 |
| Kemahiran Berfikir Aras Tinggi..... | 10 |
| Strategi Pengajaran dan Pembelajaran..... | 11 |
| Elemen Merentas Kurikulum..... | 14 |
| Pentaksiran Bilik Darjah..... | 17 |
| Organisasi Kandungan..... | 20 |

| | |
|---|----|
| Tema: Saya dan Masyarakat..... | 23 |
| Amalan Ajaran Agama atau Kepercayaan Membentuk Masyarakat Harmoni | 24 |
| Peka Terhadap Keperluan dan Kebajikan Masyarakat..... | 25 |
| Tanggungjawab Sebagai Anggota Masyarakat | 26 |
| Penghargaan Terhadap Jasa dan Sumbangan Anggota Masyarakat | 27 |
| Beradab Sopan dan Berbudi Pekerti Mulia Dalam Hidup Bermasyarakat..... | 28 |
| Amalan Hormat Terhadap Kepelbagai Budaya Dalam Hidup Bermasyarakat..... | 29 |
| Sayangi Masyarakat Demi Kesejahteraan Bersama | 30 |
| Amalan Adil Dalam Hidup Bermasyarakat..... | 31 |
| Amalan Berani Dalam Hidup Bermasyarakat..... | 32 |
| Amalan Jujur Dalam Hidup Bermasyarakat | 33 |
| Amalan Rajin Dalam Hidup Bermasyarakat..... | 34 |
| Amalan Kerjasama Dalam Hidup Bermasyarakat | 35 |
| Amalan Kesederhanaan Dalam Hidup Bermasyarakat | 36 |
| Amalan Toleransi Dalam Hidup Bermasyarakat | 37 |
| Panel Penggubal | 38 |
| Penghargaan..... | 39 |



RUKUN NEGARA

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA KELUHURAN PERLEMBAGAAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusnya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepakati enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran

dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Mata pelajaran Pendidikan Moral bertujuan untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kurikulum mata pelajaran ini direalisasikan melalui DSKP yang merupakan dokumen wajib yang perlu dirujuk oleh guru untuk merancang dan mentaksir pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru perlu merancang bagi menterjemahkan DSKP ini dengan bijak supaya PdP lebih berkesan dan menarik. Di samping itu, guru perlu memahami tahap penguasaan yang digariskan dalam DSKP ini dan sentiasa memastikan tahap-tahap penguasaan ini dikuasai oleh murid.

Kurikulum ini juga memberi tumpuan kepada usaha memupuk kerohanian dan moraliti murid. Kurikulum ini memberi penekanan

kepada pemahaman, penghayatan dan amalan nilai universal yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum. Kurikulum ini juga turut menyediakan satu panduan hidup kepada murid untuk membuat keputusan dan tindakan yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial terhadap keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara.

DSKP ini juga menekankan pemikiran aras tinggi dan kemahiran lain yang perlu dikuasai oleh murid bagi menyediakan mereka menghadapi cabaran dalam abad ke-21. Penguasaan pemikiran aras tinggi dan kemahiran lain akan membantu murid membina daya tahan diri dengan berkeyakinan dan bertanggungjawab dalam kehidupan harian. Manakala pelbagai strategi PdP turut disarankan kepada guru bagi memastikan murid menguasai kurikulum Pendidikan Moral dengan lebih bermakna. DSKP Pendidikan Moral ini juga menekankan pemahaman tentang nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan demi melahirkan warganegara yang sejahtera dan harmonis.

MATLAMAT

KSSR Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

OBJEKTIF


KSSR Pendidikan Moral bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui dan memahami nilai universal.
2. Menghayati dan mengamalkan budi pekerti mulia dalam kehidupan harian.
3. Melaksanakan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan diri, keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara.
4. Mengembangkan kemahiran penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam membuat pertimbangan dan keputusan yang berpegang kepada peraturan masyarakat dan nilai universal yang berasaskan prinsip moral.
5. Mengeratkan hubungan yang baik dengan masyarakat ke arah memperkuuh perpaduan negara.
6. Berintegriti terhadap diri, keluarga, sekolah, jiran, masyarakat, negara dan masyarakat global.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan

membangunkan modal insan yang menghayati nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Pendidikan Moral digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah


FOKUS

Fokus KSSR Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia. Pembentukan insan yang berakhhlak mulia ini dapat direalisasikan dengan menerapkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid.

Domain penaakulan moral membolehkan murid berfikir sebelum bertindak. Emosi moral pula akan memotivasi murid untuk membuat perlakuan moral. Dengan ini, perlakuan moral seorang murid akan menjurus ke arah insan yang berakhhlak mulia.

Domain moral ini juga akan mendorong murid membuat pertimbangan moral (*moral judgement*) yang sesuai, tepat dan konsisten. Pertimbangan moral merupakan aspek utama dalam pembentukan moral yang membolehkan murid mengambil sesuatu tindakan berdasarkan kepada peraturan atau nilai universal.

Rajah 2 berikut menunjukkan hubungan antara penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral yang boleh membentuk insan yang berakhhlak mulia.



Rajah 2: Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral

Pembentukan insan yang berakhhlak mulia seperti yang diharapkan dalam matlamat kurikulum Pendidikan Moral boleh dicapai dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain berikut:

Penaakulan Moral

Keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah. Kemampuan berfikir mengenai kesan dan akibat dalam penyelesaian masalah atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan kepada prinsip moral.

Emosi Moral

Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral melahirkan motivasi moral dan niat untuk bertindak berdasarkan empati dan simpati terhadap diri dan orang lain. Emosi moral ini boleh diekspresikan dalam bentuk luahan perasaan, fikiran, gerak geri dan sebagainya.

Perlakuan Moral

Perlakuan moral adalah tindakan moral berkaitan antara penaakulan moral dan emosi moral. Ia dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral.

Ketiga-tiga domain tersebut perlu dikembangkan bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan bersama dengan 14 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia.

Guru Pendidikan Moral perlu menjalankan PdP yang dapat memupuk dan menyemai nilai tersebut dalam kalangan murid sekolah rendah. Dengan itu, murid yang mempelajari Pendidikan Moral dapat mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan harian. Nilai tersebut adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai universal bagi KSSR Pendidikan Moral

| NILAI | MAKSUD NILAI |
|---------------------------------|---|
| Kepercayaan kepada Tuhan | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| Baik Hati | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| Bertanggungjawab | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| Berterima Kasih | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| Hemah Tinggi | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| Hormat | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| Kasih Sayang | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |

| NILAI | MAKSUD NILAI |
|----------------------|---|
| Keadilan | Tindakan dan keputusan yang tidak berat sebelah. |
| Keberanian | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| Kejujuran | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| Kerajinan | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| Kerjasama | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| Kesederhanaan | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| Toleransi | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |

Di samping itu, elemen perpaduan turut diterjemahkan secara eksplisit dalam kurikulum Pendidikan Moral. Elemen ini dijelaskan melalui tiga konstruk utama perpaduan iaitu menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Setiap konstruk utama pula mempunyai subkonstruk yang perlu dipupuk dalam kalangan murid.

Subkonstruk menerima kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh bersikap terbuka, bertoleransi, percaya dan sanggup bekerjasama walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Subkonstruk menghormati kepelbagaian pula merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang berhemah tinggi, menghargai dan prihatin walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa. Seterusnya subkonstruk mengurus kepelbagaian merujuk kepada murid yang boleh mengamalkan sikap atau tingkah laku yang amanah, adil dan rasional walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Guru hendaklah menyesuaikan elemen perpaduan ini secara langsung atau sisipan dengan nilai atau tajuk yang berkaitan tanpa mengubah disiplin ilmu dan kandungan moral mata pelajaran ini.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Pendidikan Moral menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2: Profil Murid

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|----------------------------|---|
| Berdaya Tahan | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati. |
| Mahir Berkomunikasi | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|----------------------------|---|
| Pemikir | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangan masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu. |
| Kerja Sepasukan | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik. |
| Bersifat Ingin Tahu | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|--------------------------------|---|
| Berprinsip | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka. |
| Bermaklumat | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| Penyayang/ Prihatin | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar. |
| Patriotik | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara. |

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN |
|-----------------|--|
| Mengaplikasi | Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| Menganalisis | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi. |
| Mencipta | Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi

menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuriri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

KSSR Pendidikan Moral menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam proses PdP. Penyertaan murid secara aktif dan interaktif dalam PdP adalah usaha untuk membentuk insan yang menyeluruh. Ini akan memberi peluang kepada murid untuk menyoal, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain sewaktu memberi pendapat atau berkongsi idea. Seterusnya, membolehkan murid memahami, mengkaji peranan serta tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia dan global.

Antara strategi PdP yang dicadangkan dalam KSSR Pendidikan Moral adalah seperti Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek.

Pembelajaran Aktif

Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Moral akan membolehkan murid memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli yang berkesan dalam pelbagai kumpulan sosial seperti keluarga, sekolah, rakan, komuniti tempatan, agama, negara dan global. Ini adalah kerana Pembelajaran Aktif melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran

hands-on dan *minds-on*. Melalui pembelajaran ini, murid akan diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran dan nilai ke arah melahirkan modal insan secara menyeluruh.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Aktif yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti perbincangan atau kerja kumpulan kecil, sumbang saran, main peranan, simulasi, debat dan forum.

Pembelajaran Penyelesaian Masalah

Dalam era globalisasi pada Abad ke-21 ini, perubahan dan kompleksiti sentiasa berlaku dalam komuniti tempatan, kebangsaan dan global. Murid Pendidikan Moral akan menghadapi pelbagai cabaran untuk menyelesaikan masalah sama ada secara peribadi atau sosial. Pembelajaran ini penting bagi membimbing murid Pendidikan Moral dalam kemahiran penyelesaian masalah, sama ada kepada diri sendiri atau persekitarannya. Ini adalah kerana masalah moral yang akan dikaji dan keputusan yang akan diambil lebih bermakna serta relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupannya. Secara amnya, Pembelajaran Penyelesaian Masalah dalam Pendidikan Moral akan melibatkan murid mencari

jawapan kepada sesuatu permasalahan moral mengenai peranan dan tanggungjawab diri melalui proses inkuiри yang berikut:

- Mengenal pasti dan menghuraikan sesuatu masalah.
- Menentukan pelbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah dengan mengambil kira fakta, pandangan dan perasaan watak yang terlibat.
- Memilih strategi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah seperti *Theory of Constraints (TOC)*, peta minda, sebab dan akibat; dan konflik resolusi.
- Menguji keputusan tentatif yang dipilih dengan mengumpul dan menilai maklumat yang relevan dengan masalah.
- Membuat keputusan muktamad atau mengubah suai langkah atau strategi yang telah diambil.

Pembelajaran Penyelesaian Masalah secara aktif dalam Pendidikan Moral akan menjadikan asas kepada murid untuk memahami dan menangani perubahan yang berlaku di dalam kehidupan dan persekitarannya dengan bertanggungjawab dan berkesan. Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Penyelesaian Masalah yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Debat• Panel juri• Penyoalan | <ul style="list-style-type: none">• Perbincangan berkumpulan• Peta minda atau penyusunan grafik• Perundingan meja bulat |
|--|---|

- Main peranan

Pembelajaran Khidmat Masyarakat

Pembelajaran Khidmat Masyarakat akan menggalakkan murid menyertai secara aktif dalam sesuatu projek komuniti. Melalui pembelajaran ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam menyelesaikan masalah sosial yang berlaku di sekolah, komuniti, negara dan global.

Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat ini, murid akan menjalankan tanggungjawab dan kepemimpinan semasa aktiviti bersama masyarakat. Mereka juga akan mengamalkan nilai moral dan kemahiran sosial dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat. Melalui Pembelajaran Khidmat Masyarakat, murid akan mempelajari secara aktif dan interaktif bagaimana menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.

Pembelajaran Khidmat Masyarakat memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa serta komuniti tempatan. Oleh itu, guru Pendidikan Moral perlu mewujudkan jalinan *partnership* atau kolaborasi dengan agensi-agensi komuniti tempatan supaya memudahkan penyertaan murid dalam aktiviti kemasyarakatan.

Terdapat pelbagai aktiviti Pembelajaran Khidmat Masyarakat yang boleh digunakan dalam PdP Pendidikan Moral seperti berikut:

- Memberi perkhidmatan secara langsung seperti melakukan gotong-royong di kawasan tempat tinggal, membantu warga sekolah membersihkan taman sekolah atau membantu penghuni di rumah orang tua.
- Memberi perkhidmatan secara tidak langsung seperti membantu sesebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan seperti mengutip derma bagi mangsa bencana alam.
- Mengambil tindakan secara bersama dengan komuniti seperti menulis surat atau aduan kepada pihak tertentu supaya menyediakan kemudahan awam yang sesuai untuk golongan kurang bernasib baik.

Pembelajaran Berasaskan Projek

PdP Pendidikan Moral adalah berpusatkan murid dan ia dapat memupuk perlakuan moral murid secara implisit dengan pelbagai kaedah pembelajaran. Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral merupakan satu proses pembelajaran yang berfokuskan tugas amali secara sistematis atau terancang dalam jangka masa yang tertentu. Pembelajaran ini biasanya melibatkan kutipan dan analisis data untuk persediaan satu

laporan projek. Pembelajaran Berasaskan Projek bukan sahaja mampu menjadikan PdP Pendidikan Moral menjadi lebih berkesan tetapi juga menarik dan menyeronokkan.

Dalam melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek ini, murid diberi tugas tertentu sama ada secara individu atau kumpulan dan mengikut tahap kebolehan mereka. Murid perlu mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk menyiapkan projek yang diberi oleh guru. Semasa proses menyiapkan tugas, guru hendaklah sentiasa membimbing dan memberi konsultasi kepada murid.

Dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini juga, guru perlu memantau proses penyediaan projek murid secara berterusan. Proses Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pendidikan Moral melibatkan empat tahap iaitu mengumpul maklumat, memproses maklumat, melaporkan hasil projek dan refleksi kendiri. Guru Pendidikan Moral hendaklah memastikan mereka mudah dihubungi oleh murid pada setiap masa bagi membantu murid menyiapkan projek tersebut.

Guru haruslah memastikan bahawa projek atau tugas yang diberikan kepada murid boleh memupuk tiga domain Pendidikan Moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Bagi tujuan tersebut, guru digalakkan untuk menggunakan cadangan aktiviti yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Moral.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);

- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan SP dan Standard Prestasi (SPi).
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 4 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

| TAHAP | TAFSIRAN |
|--|--|
| 1 (Tahu) | Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas |
| 2 (Tahu dan faham) | Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi |
| 3 (Tahu, faham dan boleh buat) | Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi |
| 4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab) | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik |
| 5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji) | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif |
| 6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali) | Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi |

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok SK dan SP selesai dilaksanakan.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran yang meliputi domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat. Bagi menentukan tahap penguasaan keseluruhan Pendidikan Moral, guru perlu merujuk penyataan tahap penguasaan yang terdapat dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan Pendidikan Mora

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|--|
| 1 | Mengetahui perkara asas berkaitan dengan nilai yang dipelajari. |
| 2 | Memahami dan memberi maklum balas berkaitan dengan nilai yang dipelajari. |
| 3 | Menghubungkait dan mengaplikasi nilai yang dipelajari. |
| 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan emosi berkaitan dengan nilai yang dipelajari. |
| 5 | Menghayati dan melaksanakan nilai yang dipelajari dalam kehidupan harian. |
| 6 | Menghayati dan mengamalkan nilai yang dipelajari secara tekal serta boleh dicontohi. |

Pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral lebih menekankan kepada usaha ke arah penambahbaikan serta perkembangan dan bukan pencapaian kognitif semata-mata. Pentaksiran tersebut boleh melibatkan orang lain seperti rakan sebaya, anggota keluarga dan komuniti mengikut kesesuaian. Pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber dan aktiviti akan menghasilkan dapatan yang mempunyai kesahan bagi membantu guru membuat keputusan yang lebih jelas.

ORGANISASI KANDUNGAN

Pelaksanaan KSSR Pendidikan Moral adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Peruntukan masa minimum bagi mata pelajaran Pendidikan Moral adalah minimum 96 jam setahun bagi sekolah kebangsaan dan 80 jam setahun bagi sekolah jenis kebangsaan. KSSR Pendidikan Moral digubal mengikut enam tema yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai universal. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya, seperti kerohanian, budaya, sosioemosi, alam sekeliling dan sebagainya. Tema tersebut adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Tema Pendidikan Moral Mengikut Tahun

| TAHUN | TEMA |
|-------|---------------------|
| 1 | Diri Saya |
| 2 | Saya dan Keluarga |
| 3 | Saya dan Sekolah |
| 4 | Saya dan Jiran |
| 5 | Saya dan Masyarakat |
| 6 | Saya dan Negara |

Setiap SK diterjemahkan melalui SP. Guru perlu merujuk kepada maklumat yang terdapat dalam SK dan SP untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan tajuk yang perlu diajar. SPi pula merupakan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara yang diajar itu telah dikuasai oleh murid. SPi ini digubal dengan mengambil kira tahap keperluan, perkembangan dan kematangan murid. Penerangan bagi setiap SK, SP dan SPi ditunjukkan seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI |
|--|---|--|
| Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. | Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. | Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. |

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

Penggunaan DSKP KSSR Pendidikan Moral secara optimum adalah perlu bagi membantu guru melaksanakan PdP Pendidikan Moral dengan lebih berkesan. Guru perlu memahami dan menghayati sepenuhnya kandungan yang terdapat dalam beberapa lajur DSKP. Penerangan berkaitan lajur tersebut adalah seperti berikut:

Standard Kandungan

Lajur ini mengandungi pernyataan spesifik tentang konsep atau tindakan moral yang murid patut ketahui dan boleh lakukan.

Standard Pembelajaran

Lajur ini merupakan penetapan kriteria atau indikator kualiti Pendidikan Moral yang dibina berdasarkan tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Penetapan kriteria ini mengambil kira pencapaian yang boleh diukur bagi setiap SK dan aspek KBAT yang boleh dicapai oleh murid.

Standard Prestasi

Lajur ini adalah suatu set kriteria Pendidikan Moral yang menunjukkan tahap-tahap pengetahuan Moral yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu pengetahuan Moral itu telah dikuasai murid. Lajur ini terbahagi kepada dua iaitu tahap penguasaan dan tafsiran bagi tahap penguasaan tersebut.

Catatan

Lajur ini mengandungi nilai dan cadangan aktiviti yang boleh digunakan oleh guru Pendidikan Moral bagi memastikan SK serta SP dapat dikuasai oleh murid.

Nilai yang dinyatakan adalah nilai yang perlu diterapkan oleh guru dalam satu sesi PdP. Nilai dalam lajur ini adalah antara 14 nilai universal yang terkandung dalam KSSR Pendidikan Moral.

Cadangan Aktiviti yang terdapat dalam lajur ini turut membantu guru melaksanakan aktiviti PdP yang menarik dan berkesan. Cadangan aktiviti yang dikemukakan telah mengambil kira kesesuaian SK dan SP. Guru boleh mengubahsuai cadangan aktiviti ini sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan juga keadaan sekeliling murid.

TEMA : SAYA DAN MASYARAKAT

Tema ini memerihalkan nilai universal yang perlu difahami, dihayati dan diamalkan oleh murid terhadap masyarakat di sekeliling mereka. Murid yang menguasai nilai universal akan mempertimbangkan tindakan dan perlakuan moralnya terhadap masyarakat dengan lebih berkesan berlandaskan agama atau kepercayaan, peraturan dan undang-undang, serta norma masyarakat.

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|-----------------------|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 1.0 Amalan Ajaran Agama atau Kepercayaan Membentuk Masyarakat Harmoni | Murid boleh: | 1 | Menyatakan ciri masyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> Kepercayaan kepada Tuhan Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> Murid membina peta pemikiran berkaitan dengan ciri masyarakat. Murid menjalankan aktiviti <i>Gallery Walk</i> tentang amalan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni. Murid menghasilkan mobail tentang kepentingan amalan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni. Murid melakonkan situasi menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni dan membuat refleksi. |
| | | 2 | Menerangkan amalan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni. | |
| | | 3 | Menghubungkait amalan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni dengan kepentingannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan perasaan berkaitan dengan amalan ajaran agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian agama atau kepercayaan bagi membentuk masyarakat harmoni dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian agama atau kepercayaan dalam membentuk masyarakat harmoni secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|--|-------------------|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 2.0 Peka Terhadap Keperluan dan Kebajikan Masyarakat | Murid boleh: 2.1 Menyenaraikan contoh keperluan dan kebajikan yang boleh diberikan kepada masyarakat. 2.2 Menjelaskan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. 2.3 Menjana idea tentang kesan pengabaian sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. 2.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. 2.5 Mengamalkan sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. | 1 | Menyatakan contoh keperluan dan kebajikan yang boleh diberikan kepada masyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none">Baik Hati Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none">Murid membina peta minda berkaitan contoh keperluan dan kebajikan yang boleh diberikan kepada masyarakat.Murid menjalankan aktiviti sumbang saran berkaitan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat.Murid menjalankan aktiviti <i>Think-Pair-Share</i> tentang pengabaian sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat.Murid menjalankan aktiviti simulasi tentang bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat dan membuat refleksi. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan bersikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait pengabaian sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat dengan kesannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan perasaan berkaitan dengan amalan peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap peka terhadap keperluan dan kebajikan masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|--|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 3.0 Tanggungjawab Sebagai Anggota Masyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid menyediakan peta minda berkaitan dengan contoh tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. Murid menjalankan aktiviti main peranan berkaitan dengan cara melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. Murid memberi syaran tentang kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. Murid membuat lawatan ke rumah kebajikan dan membuat laporan ringkas tentang tanggungjawab yang telah dilaksanakan. |
| | 3.1 Menyenaraikan contoh tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | 2 | Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | |
| | 3.2 Menghuraikan cara melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | 3 | Menghubungkait melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat dengan kepentingannya. | |
| | 3.3 Membuat justifikasi kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | 4 | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | |
| | 3.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 3.5 Mengamalkan sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat. | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap bertanggungjawab sebagai anggota masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|-----------------------|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 4.0 Penghargaan Terhadap Jasa dan Sumbangan Anggota Masyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh jasa dan sumbangan anggota masyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> Berterima Kasih Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> Murid membuat buku skrap berkaitan dengan contoh jasa dan sumbangan anggota masyarakat. Murid membuat sajak sebagai salah satu bentuk penghargaan terhadap jasa dan sumbangan anggota masyarakat. Murid membuat nota ringkas tentang kepentingan amalan menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat serta membuat pembentangan. Murid menghasilkan cenderahati sebagai menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat. |
| | | 2 | Menerangkan bentuk penghargaan terhadap jasa dan sumbangan anggota masyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait amalan menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat dengan kepentingannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap menghargai jasa dan sumbangan anggota masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|---|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 5.0 Beradab Sopan dan Berbudi Pekerti Mulia Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> • Hemah Tinggi Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Murid menghasilkan penanda buku tentang amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. • Murid bersoal jawab dengan rakan tentang kepentingan hemah tinggi dalam hidup bermasyarakat. • Murid membuat esei tentang kesan pengabaian amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. • Murid melakonkan situasi beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. |
| | 5.1 Menyenaraikan contoh amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | | Menerangkan kepentingan amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 5.2 Menjelaskan kepentingan amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | | Menghubungkait pengabaian amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat dengan kesannya. | |
| | 5.3 Menaakul kesan pengabaian amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 5.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan melaksanakan sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 5.5 Mengamalkan sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan mengamalkan sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam hidup bermasyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|---|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 6.0 Amalan Hormat Terhadap Kepelbagaian Budaya Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: 6.1 Memberi contoh kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. 6.2 Menghuraikan cara menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. 6.3 Membuat justifikasi kepentingan menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. 6.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. 6.5 Mengamalkan sikap menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. | 1 | Menyatakan contoh kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> • Hormat Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Murid melengkapkan teka silang kata berkaitan contoh kepelbagaian budaya dalam masyarakat. • Murid menjalankan aktiviti <i>Gallery Walk</i> berkaitan cara menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. • Murid melengkapkan peta minda yang berkaitan dengan kepentingan menghormati kepelbagaian budaya masyarakat. • Murid menunjuk cara perlakuan hormat dalam sesuatu majlis mengikut budaya masing-masing. |
| | | 2 | Menerangkan cara menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait amalan menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat dengan kepentingannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan memperkenalkan perasaan berkaitan dengan amalan hormat terhadap kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap menghormati kepelbagaian budaya masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap hormat terhadap kepelbagaian budaya masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 7.0 Sayangi Masyarakat Demi Kesejahteraan Bersama | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasih Sayang <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid membuat koleksi gambar amalan kasih sayang terhadap masyarakat dengan menggunakan pelbagai media. • Murid memberi pandangan tentang cara memupuk kasih sayang dalam masyarakat dengan menggunakan cabutan kad nama. • Murid menghasilkan satu poster berkaitan dengan kepentingan amalan menyayangi masyarakat. • Murid menjalankan projek menyayangi masyarakat dan membentangkannya menggunakan video atau pelbagai media. |
| | 7.1 Menyenaraikan contoh amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | 2 | Menerangkan cara memupuk amalan kasih sayang dalam masyarakat demi kesejahteraan bersama. | |
| | 7.2 Menghuraikan cara memupuk amalan kasih sayang dalam masyarakat demi kesejahteraan bersama. | 3 | Menghubungkait amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama dengan kepentingannya. | |
| | 7.3 Merumuskan kepentingan amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | 4 | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | |
| | 7.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama dalam kehidupan harian. | |
| | 7.5 Mengamalkan sikap menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama. | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap menyayangi masyarakat demi kesejahteraan bersama secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 8.0 Amalan Adil Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: 8.1 Menyenaraikan contoh amalan adil dalam hidup bermasyarakat. 8.2 Menjelaskan kepentingan amalan adil dalam hidup bermasyarakat. 8.3 Menghuraikan kesan pengabaian amalan adil dalam hidup bermasyarakat. 8.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan adil dalam hidup bermasyarakat. 8.5 Mengamalkan sikap adil dalam hidup bermasyarakat. | 1 | Menyatakan contoh amalan adil dalam hidup bermasyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> • Keadilan Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Murid menyatakan contoh perlakuan adil dalam hidup bermasyarakat melalui permainan “Kerusi Berirama”. • Murid menghasilkan pantun empat kerat berkaitan kepentingan bersikap adil dalam hidup bermasyarakat. • Murid menghasilkan esei pendek berkaitan kesan pengabaian amalan adil dalam hidup bermasyarakat. • Murid membuat jurnal berkaitan dengan pengalaman mereka bersikap adil dalam hidup bermasyarakat. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan amalan adil dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait pengabaian amalan adil dalam hidup bermasyarakat dengan kesannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan perasaan berkaitan dengan amalan adil dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap adil terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap adil terhadap masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|---|-------------------|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 9.0 Amalan Berani Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: 9.1 Memberikan contoh amalan berani dalam hidup bermasyarakat. 9.2 Menghuraikan cabaran amalan berani dalam hidup bermasyarakat. 9.3 Menaakul kepentingan amalan berani dalam hidup bermasyarakat. 9.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan berani dalam hidup bermasyarakat. 9.5 Mengamalkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat. | 1 | Menyatakan contoh bersikap berani dalam hidup bermasyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> Keberanian Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> Murid menonton klip video berkaitan dengan amalan berani dalam hidup bermasyarakat. Murid menghuraikan cabaran bersikap berani dalam hidup bermasyarakat melalui aktiviti sumbang saran. Murid menghasilkan peta minda secara berkumpulan berkaitan kepentingan bersikap berani dalam hidup bermasyarakat dan membuat pembentangan. Murid membuat penyelesaian masalah dengan mengamalkan sikap berani dalam hidup bermasyarakat berdasarkan situasi yang diberi. |
| | | 2 | Menerangkan cabaran amalan berani dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait amalan berani dalam hidup bermasyarakat dengan kepentingannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan perasaan berkaitan dengan amalan berani dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap berani demi kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap berani demi kesejahteraan masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|--|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 10.0 Amalan Jujur Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kejujuran <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> Murid menonton iklan pendek berkaitan amalan jujur dalam hidup bermasyarakat dan membuat refleksi. Murid menghasilkan brosur berkaitan dengan cara memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. Murid melayari laman sesawang berkaitan dengan kepentingan amalan jujur dalam hidup bermasyarakat dan membuat pembentangan. Murid melakonkan contoh perlakuan jujur dalam hidup bermasyarakat berdasarkan situasi yang diberi. |
| | 10.1 Menyenaraikan contoh amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | | Menerangkan cara memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 10.2 Mengenal pasti cara memupuk amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | | Menghubungkait amalan jujur dalam hidup bermasyarakat dengan kepentingannya. | |
| | 10.3 Menghuraikan kepentingan amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 10.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan jujur dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan melaksanakan sikap jujur terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 10.5 Mengamalkan sikap jujur dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan mengamalkan sikap jujur dalam hidup bermasyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 11.0 Amalan Rajin Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajinan <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menghasilkan album keratan gambar berkaitan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. • Murid mencari maklumat dan membuat pembentangan tentang kepentingan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. • Murid menghasilkan risalah berkaitan dengan kesan pengabaian amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. • Murid melakukan simulasi berkaitan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. |
| | 11.1 Menyenaraikan contoh amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | | Menerangkan kepentingan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 11.2 Mengenal pasti kepentingan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | | Menghubungkait pengabaian amalan rajin dalam hidup bermasyarakat dengan kesannya. | |
| | 11.3 Menjelaskan kesan pengabaian amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 11.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan rajin dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan melaksanakan sikap rajin terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 11.5 Mengamalkan sikap rajin dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan mengamalkan sikap rajin terhadap masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|--|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 12.0 Amalan Kerjasama Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: 12.1 Menyenaraikan contoh amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. 12.2 Menghuraikan kepentingan amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. 12.3 Menjelaskan kesan pengabaian amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. 12.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. 12.5 Mengamalkan sikap bekerjasama dalam hidup bermasyarakat. | 1 | Menyatakan contoh amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. | Nilai: <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> • Murid menghasilkan buku skrap tentang contoh amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. • Murid menjalankan aktiviti temu bual tentang kepentingan amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. • Murid melakukan sumbang saran dan membentangkan kesan pengabaian amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. • Murid melakukan satu projek gotong-royong di kawasan berhampiran. |
| | | 2 | Menerangkan kepentingan amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 3 | Menghubungkait pengabaian amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat dengan kesannya. | |
| | | 4 | Mengenal pasti dan mempamerkan perasaan berkaitan dengan amalan kerjasama dalam hidup bermasyarakat. | |
| | | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap bekerjasama terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap bekerjasama terhadap masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|--|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 13.0 Amalan Kesederhanaan Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh bentuk amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesederhanaan <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid memberi contoh bentuk amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. • Murid melakonkan cara amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. • Murid bermain <i>Telefon Karat</i> berkaitan dengan kepentingan amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. • Murid menjalankan aktiviti main peranan dalam situasi sambutan rumah terbuka yang dianjurkan oleh rukun tetangga. |
| | 13.1 Menyenaraikan bentuk amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | 2 | Menerangkan cara amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 13.2 Menjelaskan cara amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | 3 | Menghubungkait amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat dengan kepentingannya. | |
| | 13.3 Menghuraikan kepentingan amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | 4 | Mengenal pasti dan memperkenalkan perasaan berkaitan dengan amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 13.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan kesederhanaan dalam hidup bermasyarakat. | 5 | Menghayati dan melaksanakan sikap sederhana terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 13.5 Mengamalkan sikap sederhana dalam hidup bermasyarakat. | 6 | Menghayati dan mengamalkan sikap bersederhana terhadap masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN | STANDARD PRESTASI | | CATATAN |
|--|--|-------------------|---|---|
| | | TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN | |
| 14.0 Amalan Toleransi Dalam Hidup Bermasyarakat | Murid boleh: | 1 | Menyatakan contoh amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | NILAI: <ul style="list-style-type: none"> • Toleransi CADANGAN AKTIVITI: <ul style="list-style-type: none"> • Murid menonton klip video dan membuat refleksi berkaitan dengan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. • Murid membuat aktiviti main peranan sebagai wartawan yang bertanya tentang kepentingan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. • Murid membuat peta minda berkaitan dengan pengabaian amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. • Murid bermain permainan yang sesuai untuk menunjukkan sikap toleransi. |
| | 14.1 Mengenal pasti contoh amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | | Menerangkan kepentingan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 14.2 Menghuraikan kepentingan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | | Menghubungkait pengabaian amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat dengan kesannya. | |
| | 14.3 Membuat justifikasi kesan pengabaian amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | | Mengenal pasti dan memamerkan perasaan berkaitan dengan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | |
| | 14.4 Mengekspresikan perasaan berkaitan dengan amalan toleransi dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan melaksanakan sikap bertoleransi terhadap masyarakat dalam kehidupan harian. | |
| | 14.5 Mengamalkan sikap bertoleransi dalam hidup bermasyarakat. | | Menghayati dan mengamalkan sikap bertoleransi terhadap masyarakat secara tekal serta boleh dicontohi. | |

PANEL PENGGUBAL

| Nama Panel | Alamat Berkhidmat Panel |
|------------------------------------|--|
| 1. Than Chew Keok | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 2. Azmarina binti Abdul Samad | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 3. Leong Hooi Li | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 4. Velusamy a/l Kuppusamy | Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya |
| 5. Vijayaletcmy a/p Muniyandy | IPGM Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai, Kuala Lumpur |
| 6. Haryati binti Husin | SK Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor |
| 7. Moshaimatun binti Mohamed Yunus | SK Bukit Naga, Kampung Bukit Naga, Selangor |
| 8. Najhan bin Mat Akhir | SK Kg. Jawa 2, Klang, Selangor |
| 9. Wang Lock Hui | SK Hulu Klang, Ampang, Selangor |
| 10. Chan Chen Chong | SJKC Balakong, Seri Kembangan, Selangor |
| 11. Kuan Siew Poh | SJKC Sungai Chua, Kajang, Selangor |
| 12. Lee Phooi Sze | SJKC Connaught 2, Cheras, Selangor |
| 13. Sing Bee Khim | SJKC Foon Yew 4, Johor Bharu |
| 14. Bhuvaneswary a/p Krishnan | SJKT West Country, Kajang, Selangor |
| 15. Suresh Kumar a/l Manikam | SJKT Ladang Jeram Padang, Bahau, Negeri Sembilan |
| 16. Vatsala a/p Gopal | SJKT Kg Pandan, Kuala Lumpur |

TURUT MENYUMBANG

| | |
|--------------------------------|--|
| 1. J. Krishna Kumary a/p Juval | IPGM Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai, Kuala Lumpur |
| 2. Badriyatun binti Kamar | IPGM Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan |
| 3. Chander a/l Vengadasalam | IPGM Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan |
| 4. Dr. Noor Banu binti Mahadir | UPSI, Tanjung Malim, Perak |

PENGHARGAAN

Penasihat

Dr. Mohamed bin Abu Bakar

- Pengarah

Datin Dr. Ng Soo Boon

- Timbalan Pengarah (Dasar dan Sains & Teknologi)

Penasihat Editorial

Mohamed Zaki bin Abd. Ghani

- Ketua Sektor

Haji Naza Idris bin Saadon

- Ketua Sektor

Mahyudin bin Ahmad

- Ketua Sektor

Dr. Rusilawati binti Othman

- Ketua Sektor

Mohd Faudzan bin Hamzah

- Ketua Sektor

Fazlinah binti Said

- Ketua Sektor

Mohamad Salim bin Taufix Rashidi

- Ketua Sektor

Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus

- Ketua Sektor

Paizah binti Zakaria

- Ketua Sektor

Hajah Norashikin binti Hashim

- Ketua Sektor

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Nur Fadia binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>